

Usaha integrasi nasional dalam portfolio perumahan giat dilaksanakan

UTUSAN ONLINE | 02 September 2019 5:15 PM



PUTRAJAYA 2 Sept. - Usaha ke arah integrasi rakyat dalam portfolio perumahan telah berjalan dan kian giat dilaksanakan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, beliau amat serius dalam memastikan setiap kawasan perumahan yang dibina menitik beratkan pembangunan komuniti.

Menurut beliau, ini termasuk pembangunan fizikal dan juga aktiviti kemasyarakatan yang termaktub dalam Dasar Komuniti Negara dan Dasar Perumahan Negara.

"Kini kita dapat saksikan bagaimana rakyat Malaysia dapat duduk bersama dalam sebuah komuniti yang berbilang bangsa dan latar belakang tidak berasing-asingan dalam pembangunan negara.

"Hakikat bahawa negara ini terbina dari keringat dan usaha pelbagai kaum semenjak Merdeka tidak boleh dinafikan sesiapa. Malah kemerdekaan itu digenggam hasil perjanjian dan idealisme pemimpin terdahulu bahawa negara ini mengiktiraf pelbagai bangsa dan agama sebagai warganya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Zuraida turut mencadangkan agar kerajaan membuat satu undang-undang yang lebih tegas dan keras ke atas pesalah perkauman dan penyebar kebencian.

Tegasnya, tiba masanya komitmen dan keseriusan pihak kerajaan bagi menangani hal yang membahayakan ini diperkukuh.